

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' HAJI JEFRIDIN BIN  
HAJI ATAN**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam membantu industri pusat latihan memandu yang terjejas disebabkan pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) ingin memaklumkan bahawa Industri Latihan Pemanduan (ILP) di seluruh negara dibenarkan beroperasi dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) secara janji temu.

Kebenaran yang telah mendapat kelulusan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) ini tertakluk kepada pematuhan beberapa perkara yang ditetapkan antaranya adalah pekerja, tenaga pengajar dan calon haruslah telah lengkap menerima vaksin dengan mengemukakan Kad/ Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 dan Kad Pengenalan sebagai pembuktian.

Memahami dan prihatin dengan kesukaran yang terpaksa dihadapi oleh pengendali Institut Memandu (IM) akibat pandemik COVID-19, MOT juga telah memutuskan supaya pemberian moratorium sehingga 31 Disember 2021 bagi keperluan pembaharuan permit IM bagi mana-mana yang tempoh sah laku permitnya telah tamat di antara bulan Januari hingga September 2021.

Diharapkan dengan pengoperasian semula ILP ini dapat memberi kelegaan kepada pengusaha-pengusaha ILP, tenaga pengajar dan orang ramai yang memerlukan perkhidmatan berkaitan.